American Express – Muzium Negara

mempersembahkan

PAMERAN WARISAN SENIBINA



14 Oktober – 26 November 1988





Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di dalam buku cenderamata ini.

Saya berpendapat pengetahuan dan kesedaran tentang kebudayaan dan warisan sendiri adalah sebaik-baiknya asas kepada kebanggaan ideologi dan perpaduan kebangsaan. Ianya memberi suatu keinsafan terhadap unsur-unsur persamaan dan juga pengaruh-pengaruh berlainan yang terlibat dalam pembentukan suatu negara.

Kerajaan telah memperuntukan banyak masa dan tenaga kearah pemeliharaan kebudayaan dan warisan bangsa. Matlamat ini hanya tercapai dengan kerjasama semua pihak termasuk swasta dan rakyatnya. Oleh yang demikian, amatlah menggembirakan yang pameran sebegini rupa hasil daripada kerjasama di antara kerajaan dengan sebuah badan korporat swasta yang komited dapat diadakan.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam projek yang terpuji ini yang saya sedar telah melibatkan sumbangan tenaga dan kewangan yang substantial.

Pada saya program sebegini rupa adalah penting kerana ianya dapat mengingatkan kaum belia-belia masakini dan generasi-generasi yang akan datang bahawa sebahagian daripada warisan mereka sendiri yang dapat mereka banggakan.

Dato' Seri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abd Razak
Menteri Belia dan Sukan



Since 1981 the American Express company has demonstrated a long term commitment towards the support and preservation of Malaysia's cultural heritage.

Over the past seven years, we have sponsored the EXHIBITION OF THE WORKS OF MALAYSIAN ARTISTS, the MALAYSIAN HANDICRAFTS HERITAGE, the MALAYSIAN DANCE HERITAGE and in 1986, the MALAYSIAN MUSIC HERITAGE.

This year we have decided to extend our attention to yet another artform, THE HERITAGE OF MALAYSIAN ARCHITECTURE. Together with Muzium Negara, we are presenting a black and white photographic exhibition of Malaysian homes which have assimilated architectural influences from other regions and countries.

Through this exhibition, we are attempting to highlight potential tourist attractions for visitors to the country and Malaysians alike.

We hope this will also provide young Malaysians with an opportunity to observe and appreciate the diversity of their country's historical homes.

Frank Smilovic
Vice President – General Manager
American Express Malaysia



Saya, bagi pihak Muzium Negara, berasa bangga menjadi tuan rumah untuk Warisan Senibina Malaysia American Express-Muzium Negara.

Malaysia, bukan saja telah diperkayakan dengan berbagai keturunan bangsa, malahan juga mereka telah membawa bersama rekabentuk-rekabentuk senibena negara-negara asal mereka. Keadaan seperti ini telah memberi senibena tempatan sifat-sifat nyata dan menarik.

Saya sangat tertarik hati kepada bentuk rumah-rumah individu yang melambangkan bukan sahaja bentuk senibena yang digemari ramai pada masa itu tetapi juga membayangkan sifat-sifat dan gaya tuan rumah itu sendiri.

Saya berharap semua rakyat Malaysia dari berbilang lapisan masyarakat akan mengambil kesempatan ini untuk menyaksikan pameran senibena yang telah menjadi sebahagian daripada warisan kita zaman berzaman.

Shahrum bin Yub.

Dato' Shahrum Yub
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium

Pengenalan

Malaysia, sebagai sebuah negara yang kecil, adalah unggul dengan kekayaan warisan senibena.

Di samping mempunyai senibena Melayu tradisional yang mengabungkan keindahan dan kesesuaian senibena-senibena tempatan, kecantikan rekebentuknya bertambah lagi dengan pengaruh yang dibawa oleh penduduk keturunan Cina, Siam dan Indonesia yang mendatangkan kesan kepada warisan ini. Jarang-jarang sekali kita melihat rumah yang mencerminkan tradisi klasik orang-orang Eropah semenjak kurun yang ke-16.

Apakah citarasa dan kegemaran pemilik asal bangunan-bangunan ini? Tidak siapa yang mengetahuinya. Tetapi warisan yang ditinggalkan memperkayakan dan sentiasa memperingatkan kita bahawa manusia pada setiap masa memerlukan keindahan dan kepuasan individu.

Perlis

Bentuk senibena perumahan yang unggul di Perlis ialah bumbungnya yang panjang dengan keaslian kelerai mencantikkan talang atau cucur atap. Terdapat persamaan yang ketara dengan bentuk rumah Siam. Ini bukanlah ganjil kerana orang-orang Melayu di Perlis dengan Selatan Siam berasal dari rumpun yang sama.



A 100-year-old house in Kangar.

The most distinctive architectural feature of the homes in Perlis is the long roof or **bumbung panjang** *with indigenous motifs decorating the eaves fascia. The great similarity with Thai homes is not unusual in that the Malays of Perlis and Southern Thailand have common roots.*

Kedah

DARUL AMAN

Bentuk bangunan rumah di negeri ini mempunyai banyak persamaan dengan di Perlis. Rumah-rumah di sini juga mempunyai bumbung panjang dengan kelerai buluh atau pelepah bertam (palm) di bahagian dinding rumah. Pengaruh Eropah juga kelihatan di Alor Setar terutama sekali pada Istana Kuning dan Muzium di-Raja.

The homes in this state share many similarities with those of Perlis. They have long roofs and fine weave of bamboo or the bark of the ***bertam*** *palm for the facades. European influences can also be seen in Alor Setar, particularly in Istana Kuning and the Muzium di-Raja.*



Intricate geometric design of 'pelupuh' (bamboo).

Pulau Pinang

Rumah Gajah Menyusu merupakan contoh senibena Melayu tradisional di Pulau Pinang. Pembinaan bermula dengan rumah besar dan kemudian disibar. Di Georgetown terdapat rumah-rumah yang besar dan indah dengan senibena peranakan – hasil dari adunan senibena Melayu, Cina dan Eropah – adalah yang terindah dan halus rupa bentuknya.



Facade of the Chong House.

The ***Gajah Menyusu*** *(elephant nursing its calf) are examples of early traditional Malay homes in Penang. They began with the single house (Rumah Ibu) to which a smaller annex was attached. In Georgetown, fine homes and mansions with Straits Eclectic architecture are a clever blend and borrowing of Malay, Chinese and European styles of architecture.*

Perak

DARUL RIDZUAN

Rumah Kutai - bentuk rumah yang tertua sekali boleh kelihatan di sepanjang tebing Sungei Perak. Contoh yang menarik sekali ialah Istana Kenangan di bandar di Raja Kuala Kangsar.

Rumah Kutai mempunyai bentuk yang istimewa dengan ke lainan rupa atap dan kelerai dinding yang indah diperbuat daripada buluh.



Beautiful weaves make up walls of Istana Kenangan.

Rumah Kutai *the oldest form of housing can best be seen in some villages along the banks of the River Perak. However, the most spectacular example is the Istana Kenangan in the royal town of Kuala Kangsar.*

The ***Kutai*** *house has special features: the distinctive "many roofs" effect and the fine woven walls of bamboo.*

Selangor

DARUL EHSAN

Wilayah Persekutuan

Senibena perumahan yang terdapat di Selangor mem-bayangkan pengaruh dari negeri-negeri jiran seperti Perak dan Negeri Sembilan.



The mix of European and traditional styles.

Bandaraya Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan berkembang dari sebuah bandar perlombongan menjadi Pusat Pentadbiran British dalam kurun yang ke-19. Rekabentuk bangunan peranakan (Straits Eclectic), Timur Tengah dan Eropah merupakan ciri- ciri yang unggul kepada bentuk bangunan-bangunan lama di ibu negara kita.


Architecturally, the homes show influences from the two neighbouring states of Perak and Negeri Sembilan.

The city of Kuala Lumpur or the Federal Territory grew from a mining town to become the British administrative capital in the 19th century. Houses with Straits Eclectic architecture and European and Middle Eastern designs are a striking feature of the older housing in the ever-changing capital of Malaysia.

Negeri Sembilan

Orang-orang Melayu di Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau, Indonesia yang membawa bersama seni-bena kaum mereka. Bahan ini adalah anugerah yang tidak ternilai harganya kepada negeri kita kerana ia juga menjadi contoh kepada jurubina-jurubina kita.

Bentuk senibena yang sangat ketara sekali ialah bentuk bumbung yang curam dan melengkok ke atas. Gaya dan bentuk ukiran-ukiran kayu menggambarkan ayam belaga dan deretan itek pulang petang menghiasi dinding-dinding rumah. Sebagai contoh, rumah tertua mempunyai ciri-ciri asli seperti ini ialah Istana Ampang Tinggi dan Istana Lama Seri Menanti.



The exquisite motifs in a Negeri House.

The Malays of this state originate from Minangkabau in Indonesia, bringing with them their ethnic architecture, which has since graced the state, and a style imitated by contemporary architects.

The most distinctive aspect is the roof which is steep and concave. Stylised and symbolic motifs of roosters fighting and orderly ducks decorate the walls. The surviving originals are Istana Ampang Tinggi and Istana Lama Seri Menanti.

Melaka

Melaka telah terdedah kepada pengaruh berbagai senibena, bermula dengan pengaruh Cina diikuti oleh Portugis, Belanda dan Inggeris, yang menghasilkan satu seni-bena yang dikenali sebagai senibena Peranakan. Bentuk yang serupa juga boleh didapati di Pulau Pinang dan di Singapura.



The numerous influences seen in this Melaka house.

Bentuk rumah orang-orang Melayu juga mempunyai bumbung yang panjang dan tinggi memberi banyak ruangan kepada peredaran udara. Batu-batu ubin berwarna digunakan untuk tangga hadapan dan dinding rumah.

Melaka has been exposed to a variety of influences, starting with Chinese, then the Portuguese, the Dutch and the English, resulting in what is known as Straits Eclectic architecture, examples of which can also be found in Penang and Singapore.

Malay houses have long roofs ***bumbung panjang*** *running parallel, creating airy interiors. Coloured tiles are used for the main steps and wall panels of the house.*



Abandoned house in Tangkak, Johor.

Johor

DARUL TAKZIM

Rumah-rumah di Johor mempunyai persamaan bentuk atap seperti di Pahang. Kebanyakan menggunakan atap genting jika dibandingkan dengan atap rumbia.

Rupabentuk istana-istana mencerminkan gabungan antara senibena-senibena tradisi Melayu, Timur Tengah dan Eropah.

The houses of Johor have similar roof designs to those of Pahang. Tiled rather than thatched roofs predominate.

The palaces, however, combine both traditional designs together with Middle-Eastern and European inspired architectural styles.

Pahang

DARUL MAKMUR

Rumah-rumah di Pahang dan kebanyakan rumah-rumah di negeri-negeri Pantai Timur mempunyai rangka rumah yang besar dan genting berbentuk bujur. Layar atap di muka hadapan menyerupai bentuk tradisi Siam, Laos dan Kampucea. Ukuran tiang-tiang rumah adalah lebih besar jika dibandingkan dengan rumah-rumah di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia.



Pekan Palace, Pahang.

Thick timber frames, and pleasing oblong tiles are typical of Pahang houses and almost all East Coast states. The roof gables share a visual similarity with the traditional Thai, Laotian and Kampuchean roofs. The columns, too, tend to be larger than those found in the West Coast.

Terengganu

DARUL IMAN

Pada akhir kurun yang ke-19, peperangan Api Pecah Gedong telah memusnahkan bangunan-bangunan dan rumah-rumah di Kuala Terengganu. Mangsa utama kemusnahan ini ialah Istana Hijau.

Selepas perang tersebut rumah-rumah tradisional ini dibina semula. Ada dua jenis bentuk rumah: rumah bujang dan rumah tiang dua belas yang kedua-duanya mempunyai keindahan seniukir di negeri ini.




The lovely play of light in the Istana Long.

In the late 19th century, a war known as ***Api Pecah Gedong*** *destroyed some of the finest buildings and homes in what is now Kuala Terengganu. Among the casualties was the famous Istana Hijau.*

The traditional houses now seen were rebuilt after the war. There are two identifiable types: the ***rumah bujang*** *and the* ***rumah tiang dua belas*** *both displaying some of the most intricate and finest carvings seen in this country.*

Kelantan



Ukiran-ukiran yang unggul di atas tebar layar, cucur atap dan dinding rumah adalah lambang rumah-rumah Kelantan. Pengaruh Siam dicerminkan di motif-motif dan rekabentuk bumbung.

The spectacular sun-burst motif.

Intricate carving on gables, eaves and walls is the hallmark of the Kelantanese house. Thai influence predominates in the complex motifs and roof designs.

Sabah

Di Kota Kinabalu, ibu Negeri Sabah, bangunan-bangunan yang didapati pada hari ini kelihatan berbentuk moden, yang tertua sekali dibina dalam tahun-tahun akhir 40an. Ini adalah kerana dalam Peperangan Dunia II bangunan-bangunan lama habis dimusnahkan.

Kota Kinabalu, Sabah's capital, was razed to the ground during World War II and the buildings seen today are modern, the oldest being built around the late '40s.



However, what remained are the houses in the "water villages" criss- crossed by wooden walkways which are peculiar and ethnic to Sabah.

Sabah's architectural heritage.

Sarawak

Sarawak terkenal dengan rumah-rumah panjang yang merupakan contoh tempat kediaman bermasyarakat; tetapi dari segi senibena, orang-orang Inggeris telah lama mempengaruhi Sarawak iaitu semenjak tahun 1803 bermula dengan pemerintahan Raja Brooke.



The European influence seen in the Bishop's house.

Terdapat banyak bangunan-bangunan yang menarik di bandar Kuching yang dibina dalam kurun yang ke-19 seperti bangunan mahkamah dan muzium yang masih lagi digunakan.

The famous long houses of Sarawak are fine examples of community shelter, but architecturally the British influence in Sarawak has been deeply entrenched since 1803 when Raja Brooke first ruled the land.

Kuching has many very impressive buildings from the 19th century such as the court houses and the museum, which happily are still in use.

Penghargaan

Beberapa orang telah memberi sumbangan terhadap projek ini. Teristimewa sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada:

- Encik Richard Lee dari Persatuan Pemaju Perumahan kerana memberi sumbangan ilmu pengetahuan dan panduan.
- Persatuan Arkitek Malaysia kerana membenarkan mengunakan kemudahan perpustakaan.
- Jabatan Muzium kerana membenarkan mengunakan kemudahan perpustakaan.
- Warisan Baba-Nyonya kerana membenarkan mengambil gambar rumah-rumah mereka.
- Pemilik-pemilik rumah perseorangan yang bermurah hati memberi keterangan latarbelakang dan membenarkan mengambil gambar rumah-rumah mereka.
- Pihak-pihak berkuasa istana bagi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor.
- Raja Bahrin Shah, kerana mengenalpasti rumah-rumah yang berkaitan dan memberi sumbangan dan panduan yang sangat berharga.

Jurugambar – Eric Peris

Eric Peris ialah seorang wartawan New Straits Times. Buku sulong beliau, Tin Mine Landscapes, dicetak dalam tahun 1980.

Beliau telah mengadakan lima pertunjukan senigambar di Malaysia:

Through Thai Windows and Doorways – 1982
General Post Office (abstract) series – 1983
Anicca (Impermanence) – 1983
Images of Gitanjali – 1984
Haiku – 1986

Sebahagian dari gambar-gambar milikan Eric Peris menjadi simpanan kekal Balai Senilukis Negara.